

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

28 MAY

UJIAN TEKANAN SENAMAN TREADMILL PENGESAN AWAL PENYAKIT JANTUNG

EST 2016

BERTAM, 26 Mei 2016 - Ujian Tekanan Senaman atau lebih dikenali sebagai '*Exercise Stress Test*' (EST) merupakan ujian saringan jantung yang '*non-invasive*' iaitu prosedur yang tidak melibatkan alat-alat yang memecahkan kulit atau benda fizikal memasuki tubuh.

Ujian ini dilakukan dengan kaedah senaman iaitu seseorang perlu berjalan atau berlari di atas mesin treadmill dan elektrokardiogram (*ECG*) jantung dipantau sepanjang ujian.

Menurut Pakar Perubatan IPPT, Dr. Tan Kok Leng, ujian ini mengambil masa selama 10 sehingga 12 minit. Ujian senaman ini akan dihentikan apabila tahap tekanan (*stress*) yang mencukupi telah dicapai atau pesakit mengalami tanda awal serangan jantung.

"Ujian ini lazimnya dilakukan terhadap pesakit yang mempunyai risiko penyakit jantung aterosklerosis di mana saluran pembuluh darah arteri (arteri koronari) menjadi sempit akibat pengendapan kolesterol."

"Keadaan aterosklerosis menyebabkan pengurangan bekalan darah ke jantung semasa bersenam. Keadaan ini dipanggil '*angina pectoris*'. Pengesanan awal penyakit ini boleh mengurangkan risiko serangan jantung (*myocardial infarction*) jika dirawat pada peringkat awal," jelasnya.

Selain itu, ujian EST membolehkan doktor menentukan keupayaan fizikal seseorang, mempamerkan rentak jantung yang tidak normal dan menentukan risiko keseluruhan sebelum sesuatu pembedahan dilaksanakan.

EST 2016 2

Menurut Dr. Tan lagi, IPPT berhasrat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dengan menggabungkan ujian EST ini dengan *Myocardial Perfusion Imaging* (MPI) pada masa hadapan.

"MPI ialah ujian pengimejan yang menilai pengaliran darah '*perfuses*' di otot jantung. Menerusi ujian ini, kawasan otot jantung yang tidak mendapat aliran darah yang mencukupi boleh dikesan," ujarinya.

Ujian EST yang kini ditawarkan di IPPT mampu memberi manfaat kepada penduduk sekitar Seberang Perai Utara dan seluruh warga USM. Orang awam yang berisiko dan memerlukan perkhidmatan ujian ini boleh mendapatkannya melalui rujukan daripada doktor atau melalui pakej yang ditawarkan oleh

AMDI Fitness Lab.

Maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini boleh menghubungi Kompleks Klinikal di talian 04-5622693.

Teks: Faisal Jamaludin / Foto: Norizan Ishak



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015